



JABATAN PREMIER SARAWAK
(UNIT TRANSFORMASI DAN INOVASI SARAWAK)
TINGKAT 4 & 5, WISMA BAPA MALAYSIA
93502 PETRA JAYA
KUCHING, SARAWAK



☎ 082-313604

🖨 082-544676 / 447298

🌐 premierdept.sarawak.gov.my

Rujukan Kami : JPS/STIU/2000-2/2/1.02 Jld.7 (36)

Tarikh : 22 September 2025

Pengarah Wilayah,

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC),
Jalan Demak Laut 3A,
Taman Perindustrian Demak Laut,
Peti Surat 2679,
93752 Kuching, Sarawak.

YBrs. Dr.,

KOLABORASI STRATEGIK EKSPLORASI AMALAN TERBAIK BUSINESS EXCELLENCE (BE) DI DUBAI

Salam sejahtera dari Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak (STIU). Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Seajar dengan agenda transformasi Perkhidmatan Awam Sarawak, pejabat ini berhasrat untuk melaksanakan *Eksplorasi Amalan Terbaik Business Excellence (BE) di Dubai* pada 8 hingga 13 Disember 2025. Bagi menjayakan inisiatif ini, STIU menjemput Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak sebagai rakan kolaborasi strategik.

3. Penglibatan MPC akan memperkukuh pelaksanaan program melalui kepakaran dalam bidang produktiviti dan BE, sekali gus membuka peluang pembelajaran serta perkongsian amalan terbaik antarabangsa yang relevan untuk diaplikasikan dalam perkhidmatan awam.

4. Diharapkan kerjasama ini dapat direalisasikan dengan lancar dan memberi impak positif terhadap pembangunan tadbir urus, inovasi serta kecemerlangan organisasi sektor awam.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

(SUPERI BIN AWANG SAID)

Pengarah
Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak (STIU)


s.k.: Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Operasi)

Pegawai Seranta:

👤 Puan Suzy Anak Johnson

☎ 012 899 9815

✉ suzji89@sarawak.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: QMS 03966

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO: ABMS 00338